



Sesi Inspirasi Integriti
 Staf Pejabat Pendaftar
 Bersama
 Ketua Pegawai Operasi



Sesi Inspirasi Integriti
 Staf Pejabat Pendaftar
 Bersama Ketua Pegawai Operasi

Lawatan Rasmi dan
 Penyerahan Borang SSPA
 Kepada Pelatih KAPB Siri 8/2024

Kenaikan Pangkat Staf
 Tahun 2024

Lawatan Penanda Aras
 dari Jabatan Pendaftar UKM

- 05 Bengkel Pelarasan MyPortfolio Penolong Jurutera UTeM
- 07 Konvensyen KIK Horizon Baharu Peringkat UA Kali Ke-17 bertempat di UMPSA pada 7-8 Ogos 2024
- 09 Lawatan Penanda Aras Polis Bantuan UPM Ke UTeM
- 10 Pelaksanaan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 UTeM 2024 oleh SIRIM International Sdn. Bhd.
- 12 Hari Bersama Pelanggan Polis Bantuan Pejabat Keselamatan UTeM

ISI KANDUNGAN

- 14 "Flag Off Team" Polis Bantuan UTeM Ke Sukan Keselamatan Universiti Awam (SUKUA)
- 15 Sukan Keselamatan Universiti Awam (SUKUA) di UUM pada 3-5 Oktober 2024
- 16 Sesi Inspirasi Integriti Pejabat Pendaftar Bersama Ketua Pegawai Operasi (4 Oktober 2024)
- 20 Penyertaan Kumpulan Smartsoul UTeM Ke Pertandingan Inovasi Peringkat KPT 2024 pada 23-24 Oktober 2024
- 22 Lawatan Rasmi dan Penyerahan Borang SSPA kepada Pelatih KAPB Siri 8/2024 di Maktab Teknik (MT) PDRM Bakri, Muar, Johor
- 24 Majlis Konvokesyen Ke-20 UTeM
- 27 Penyertaan Kumpulan SmartSoul UTeM ke Pertandingan Inovasi sempena Inovasi @ UMT 2024
- 28 Penganjuran Program Secangkir Kopi Bersama Ketua Pegawai Operasi
- 29 Lawatan Penanda Aras dari Bahagian Pentadbiran & Kemudahan, Jabatan Pendaftar, UKM
- 30 Kenaikan Pangkat Staf Tahun 2024
- 33 Laporan Aktiviti Unit Kebajikan Staf, Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar

SIDANG Redaksi

PENAUNG

Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR

Siti Norani binti Dolah

EDITOR

Zulaikha binti Md Radzai

PEMBACA PRUF

Elfa Laily binti Mohd Tahir
@ Mohd Ramli

SIDANG REDAKSI

Nurayuni binti Mahabib
Anuarrudin bin Md Soom
Sharifah Intan binti Osman
Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

PENULIS

Azrai bin Abdul Aziz
Nadiyah binti Rahim
Masliana binti Razali
Hairulizan binti Yacob
Azly Hisham bin Haron
Siti Salwah binti Ahmad
Zulaikha binti Md Radzai
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang
Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz

Sekapur SIREH

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, saya diberi peluang untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam penerbitan Buletin TERAS edisi Disember 2024 ini. Ucapan setinggi-tinggi tahniah saya sampaikan kepada seluruh warga sidang redaksi Buletin TERAS atas dedikasi dan usaha gigih yang telah ditunjukkan sehingga berjaya merealisasikan penerbitan edisi tahun ini dengan jayanya.

Pejabat Pendaftar sentiasa berusaha untuk memastikan keperluan perkhidmatan semua staf universiti dapat dipenuhi dengan sewajarnya. Buletin TERAS diterbitkan sebagai salah satu medium utama untuk mempermudah penyampaian maklumat secara menyeluruh kepada seluruh warga Universiti. Penerbitan ini amat penting dalam memastikan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti, program, serta perkara-perkara berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan dapat disampaikan dengan jelas, tepat, dan

cepat. Selain menjadi sumber informasi, Buletin TERAS juga berfungsi sebagai platform untuk perkongsian ilmu dan idea yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak di Universiti.

Saya turut mengalu-alukan maklum balas serta cadangan daripada semua pihak, kerana dengan adanya maklum balas yang membina, kita dapat memperkukuhkan budaya penyampaian perkhidmatan yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga berkesan, seiring dengan matlamat Universiti untuk mencapai kecemerlangan yang berterusan.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pemegang taruh. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi TERAS. Kepada pembaca Buletin ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin, rahmat, dan kurnia-Nya, Buletin TERAS edisi ke-2 bagi tahun 2024 berjaya dihasilkan dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi Buletin TERAS atas dedikasi, kegigihan, dan kesungguhan mereka dalam memastikan penerbitan ini dapat direalisasikan. Buletin ini, yang memuatkan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar, diharapkan mampu menjadi hidangan minda yang bernilai serta sumber inspirasi kepada para pembaca. Tidak dilupakan, penghargaan setinggi-tingginya juga saya sampaikan kepada semua penyumbang idea dan pengalaman ikhlas menyumbangkan hasil tulisan mereka untuk diketengahkan dalam buletin ini. Setiap sumbangan, sama ada kecil atau besar, amat dihargai kerana ia merupakan antara elemen penting yang menjadikan Buletin TERAS lebih bermakna dan berinformasi.

Buletin TERAS bukan sekadar sebuah penerbitan biasa, tetapi ia juga merupakan satu platform komunikasi yang signifikan untuk semua staf Pejabat Pendaftar. Melalui ruang ini, staf diberikan peluang untuk menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan, berkongsi pandangan, dan mempersembahkan pelaksanaan program serta aktiviti yang telah dijalankan. Selain itu, buletin ini juga menjadi saluran penting untuk menyampaikan maklumat terkini yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan dan inisiatif Universiti.

Akhir kata penyimpul bicara, besar harapan saya agar Buletin TERAS dapat memberi manfaat untuk semua pembaca. Berjumpa lagi dikeluarkan akan datang dengan paparan yang lebih menarik dan semoga lebih ramai yang akan tampil untuk menyumbangkan karya.

Sekian, terima kasih.

Siti Norani binti Dolah
Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Bengkel Pelarasan MyPORTFOLIO Penolong Jurutera UTeM

Disediakan oleh: MUHAMMAD AFIQ BIN AZIZ @ ABDUL AZIZ



Wakil Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM) dalam Mesyuarat Pra Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 1/2024 yang bersidang pada 17 Mei 2024, Jumaat telah mengusulkan perihal peningkatan beban tugas Penolong Jurutera (PJ) rentetan daripada penstrukturan semula empat (4) Fakulti Kejuruteraan dan dua (2) Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada empat (4) Pusat Tanggungjawab. Berdasarkan isu tersebut, mesyuarat telah bersetuju agar satu sesi perbincangan diadakan bersama Pentadbir Fakulti dan wakil KEKUTeM bagi membincangkan Deskripsi Tugas (Job Description (JD)) Penolong Jurutera dengan lebih lanjut.

Soroton daripada perkara tersebut, satu perbincangan telah diadakan antara Presiden KEKUTeM dan Unit Dasar, Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar selaku Penyelaras myPortfolio UTeM telah diadakan pada 11 September 2024. Perbincangan tersebut telah bersetuju bahawa satu bengkel perlu diadakan bagi menyelaraskan JD Penolong Jurutera dengan menjemput wakil-wakil Penolong Jurutera daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi mendapatkan input secara kolektif dan komprehensif.





Berdasarkan kepada keputusan tersebut, Bengkel Pelarasan MyPortfolio Penolong Jurutera UTeM telah diadakan pada 11 September 2024, Rabu bertempat di Bilik Latihan 1, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK). Bengkel tersebut dihadiri oleh 14 orang Penolong Jurutera daripada pelbagai fakulti. Secara amnya bengkel tersebut telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama yang sangat baik daripada semua pihak yang terlibat.

Hasil daripada bengkel tersebut tiga (3) JD "standard" telah dibangunkan dan dipersetujui iaitu JA29, JA36 dan JA48. Selain itu, bengkel tersebut turut bersetuju bahawa Presiden KEKUTeM akan membentangkan JD yang telah dibangunkan dalam mesyuarat Pra MBI akan datang. Seterusnya, satu bengkel bersama Pentadbir Fakulti juga dicadangkan untuk dianjurkan bagi tujuan penyelarasan di semua fakulti.

Unit Dasar, Bahagian Dasar dan Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dan input bagi menjayakan bengkel tersebut. Semoga usaha seterusnya yang direncanakan akan mencapai matlamat seperti diharapkan.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif UNIVERSITI AWAM HORIZON BAHARU

Peringkat Universiti Awam Kali Ke-17 bertempat di
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
pada 7 - 8 Ogos 2024

Disediakan oleh: ZULAIKHA BINTI MD RADZAI



Sejak daripada tahun 2010, kesinambungan kejayaan KIK di Peringkat UTeM diteruskan dengan penyertaan di Konvensyen Peringkat Universiti Awam (UA) bagi membentangkan projek-projek inovasi yang berimpak tinggi dan mampu melonjak kecemerlangan UTeM.





Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif peringkat Universiti Awam merupakan acara tahunan yang akan dijalankan dan dikendalikan secara bergilir oleh 20 Universiti Awam. Tujuan penganjuran konvensyen tersebut adalah untuk memberi peluang kepada kumpulan untuk menimba ilmu dan pengalaman serta berkongsi pengetahuan dengan kumpulan dari Universiti Awam. Penyertaan UTeM di Peringkat UA juga dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam merealisasikan agenda dan aspirasi Universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi ke arah peningkatan perkhidmatan dan amalan budaya kerja yang kreatif dan inovatif.



TAHNAH DAN SYABAS diucapkan kepada dua (2) Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM yang telah menerima penarafan seperti berikut:

Kumpulan Tech Meister – Penarafan Perak
Kumpulan SmartSoul – Penarafan Gangsa



Lawatan Penanda Aras POLIS BANTUAN Universiti Putra Malaysia (UPM) ke UTeM

Disediakan oleh: AZRAI BIN ABDUL AZIZ

Sesi lawatan pada 16 Ogos 2024 dimulakan dengan perkongsian fungsi, rutin pelaksanaan, dan “Key Performance Indicator” (KPI) Bahagian dan Unit oleh Ketua Bahagian Operasi & Pentadbiran dan Ketua-Ketua Unit di Pejabat Keselamatan. Sesi pada hari pertama berakhir dengan “Campus Tour” di Kampus Induk UTeM.

Sesi kedua pada 17 Ogos 2024 dimulai dengan “briskwalk” dan pertandingan “street soccer” antara Polis Bantuan UPM dan Polis Bantuan UTeM.

Terima kasih kepada Polis Bantuan UPM kerana memilih UTeM sebagai destinasi utama lawatan penanda aras tahun 2024.

Semoga ukhwah ini kekal terjalin untuk kita bertanggungjawab menjadi perisai terbaik buat seluruh warga Universiti Awam.



Pelaksanaan Audit PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 UTeM 2024

oleh
SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

Disediakan oleh: MASLIANA BINTI RAZALI

Pada 4 September 2024, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melaksanakan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 yang dijalankan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Audit ini merupakan langkah penting dalam memastikan sistem pengurusan kualiti UTeM terus mematuhi piawaian antarabangsa dan memperkukuh komitmen Universiti terhadap kualiti perkhidmatan.

Audit pensijilan semula ini bertujuan untuk menilai pematuhan UTeM terhadap standard Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem pengurusan kualiti yang sedang dilaksanakan serta memberi cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi keseluruhan organisasi.



The poster features the UTeM logo at the top left. The main title reads 'AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015'. Below this, it states 'UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.' and the dates '4-6 SEPTEMBER 2024 (RABU - JUMAAT)'. The bottom left corner identifies the organizing body as 'URUS SETIA: PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI DAN RISIKO, PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR (STRATEGIK & KELESTARIAN GLOBAL), UTeM'. The bottom right corner displays various accreditation logos including PMSKG, APQR, and others. A background image shows a person in a suit holding a large gold medal with a checkmark, symbolizing successful certification.

Proses Audit ini melibatkan beberapa langkah penting dari segi persediaan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan UTeM termasuk pengumpulan dokumen berkaitan dan penjadualan sesi audit. Pelaksanaan audit di Pejabat Pendaftar telah dilakukan oleh Encik Hadie Azzat Asli, Auditor dari pihak SIRIM melibatkan Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan Akademik. Setelah audit selesai, sesi perbincangan telah diadakan untuk membincangkan penemuan audit dan mendapatkan maklum balas dari pihak Pejabat Pendaftar.

Selain daripada proses kerja, Audit turut meneliti pencapaian Objektif Kualiti serta Pengurusan Risiko dan Peluang di Pejabat Pendaftar. Hasil dari Audit yang dijalankan 0 ketakakuran ("Non - Conformance Report" - NCR) dan 0 peluang penambahbaikan dilaporkan. Pensijilan semula ini mendapati bahawa Pejabat Pendaftar telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam mematuhi keperluan MS ISO 9001:2015.



Adalah diharapkan dengan hasil audit yang positif dan penekanan terhadap penambahbaikan berterusan, UTeM terus kekal berada di landasan yang tepat untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pendidikan.

Hari Bersama Pelanggan POLIS BANTUAN Pejabat Keselamatan UTeM

Disediakan oleh: AZRAI BIN ABDUL AZIZ

Hari Bersama Pelanggan Polis Bantuan Pejabat Keselamatan UTeM bagi Tahun 2024 yang diadakan pada 1 Oktober 2024 telah berjalan lancar dengan penyertaan warga kampus hampir 300 orang dan 120 pelawat termasuk agensi keselamatan, Universiti Awam dan pelawat luar.

Program telah dimulakan dengan Perbarisan Polis Bantuan UTeM yang

dihadiri oleh YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM dan diteruskan dengan pameran statik, Kaunter Pengurangan Saman Trafik PDRM/Lalu Lintas UTeM, pertandingan "Street Soccer", pertandingan "Obstacles Challenge", UKJK "Challenges", webinar "AI in Leading Zero Crimes and Zero Traffic Accidents in Campuses" dan "Briskwalk" bersama Naib Canselor UTeM.





Pejabat Keselamatan ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih di atas kesudian YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM yang sudi meluangkan masa hadir ke sesi demonstrasi "24hrs AI for Surveillance in Campus" dan "Briskwalk" Hari Bersama Pelanggan Tahun 2024. Selain itu, ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Jabatan Pencegah Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Ibu Pejabat Kontijen (IPK) Melaka, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) IPK Melaka, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Taylor Universiti, Pelabuhan Tg Beruas, FGV Sdn Bhd dan Epic Berhad yang turut hadir memeriahkan Hari Bersama Pelanggan Tahun 2024.

“Flag Off” Polis Bantuan UTeM Ke **SUKAN KESELAMATAN** Universiti Awam (SUKUA) pada 2 Oktober 2024

Disediakan oleh: AZRAI BIN ABDUL AZIZ



Polis Bantuan Pejabat Keselamatan UTeM merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas kesudian YBhg. Datuk Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin di atas kesudian menerima dan menyempurnakan upacara “Flag Off” Polis Bantuan UTeM ke SUKUA Edisi 1.



Setelah hampir 15 tahun SUKUA tidak berlangsung, Edisi 1 kali ini yang dipengerusikan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melibatkan komitmen 14 Universiti Awam (UA). Syarat wajib bagi penyertaan pegawai dan veteran dalam dua acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak dan Bola Tampar merupakan antara cabaran besar yang perlu diadun baik dengan penyusunan kekuatan keseluruhan staf Pejabat Keselamatan.

Walau bagaimanapun, dengan sokongan oleh YBr. En. Masdarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM dan semua Ketua Bhg di Pejabat Pendaftar, maka Pejabat ini bertekad untuk mengharumkan nama baik UTeM.

Sukan Keselamatan

UNIVERSITI AWAM (SUKUA)

di Universiti Utara Malaysia (UUM)

pada 3 - 5 Oktober 2024

Disediakan oleh: AZRAI BIN ABDUL AZIZ



Polis Bantuan UTeM berjaya membawa pulang gangsa dalam acara Bola Tampar. Bagi acara Bola Sepak, kami terpaksa berpuashati apabila gagal ke separuh akhir setelah tewas sepakan penalti kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM).



Penyertaan Polis Bantuan UTeM pada kejohanan yang julung kali diadakan ini turut mensasarkan objektifnya iaitu menerapkan unsur-unsur gaya hidup sihat melalui sukan dan rekreasi, mewujudkan suasana harmoni, muhibah dan bertimbang rasa melalui jalinan kemesraan sama ada antara pasukan yang bertanding mahu pun dikalangan staf sendiri.



Pelbagai pencapaian telah dibina dengan keyakinan ini sejak 3 tahun lalu dan SUKUA adalah antaranya.

Sesi Inspirasi INTEGRITI Pejabat Pendaftar Bersama Ketua Pegawai Operasi

Disediakan oleh: MUHAMMAD AFIQ BIN AZIZ @ ABDUL AZIZ




Dalam menghadapi cabaran kerja di Pejabat Pendaftar yang semakin kompleks, nilai-nilai integriti seperti kejujuran, akauntabiliti, dan tanggungjawab menjadi teras kepada pencapaian matlamat Pejabat Pendaftar.

Adalah menjadi satu perkara yang penting bagi semua staf Pejabat Pendaftar untuk menghayati dan mengamalkan integriti dalam setiap aspek pekerjaan bagi memastikan persekitaran kerja yang positif dan beretika.



Menyedari hakikat tersebut Pejabat Pendaftar melalui pimpinan Ketua Pegawai Operasi, YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat telah menganjurkan program Sesi Inspirasi Integriti Pejabat Pendaftar Bersama Ketua Pegawai Operasi pada hari Jumaat, 4 Oktober 2024 bertempat di Dewan Auditorium, Canselor. Program tersebut telah dihadiri oleh semua staf Pejabat Pendaftar dan Pejabat Keselamatan.

INTEGRITI DALAM KONTEKS PEKERJAAN





Matlamat Sesi Inspirasi Integriti Bersama Ketua Pegawai Operasi adalah untuk mengingatkan staf Pejabat Pendaftar ke arah pencapaian matlamat melalui penerapan nilai-nilai murni. Dalam sesi tersebut, Ketua Pegawai Operasi telah menyampaikan amanat penting mengenai peranan integriti dalam memastikan kelancaran operasi, meningkatkan reputasi Pejabat Pendaftar, dan memupuk semangat kerjasama yang berteraskan etika serta tanggungjawab bersama.

INTEGRITI DARI SUDUT PANDANG ISLAM



Selain itu program tersebut turut menyasarkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan staf Pejabat Pendaftar mengenai pentingnya integriti sebagai asas kepada keputusan dan tindakan yang diambil dalam Universiti serta mendorong semua staf untuk mengamalkan nilai-nilai kejujuran, akauntabiliti, dan tanggungjawab dalam tugas harian mereka, seterusnya membina budaya kerja yang lebih telus, profesional, dan berintegriti.

Dalam program tersebut Ketua Pegawai Operasi telah menzahirkan buah fikiran beliau berkaitan integriti antaranya adalah integriti dari sudut pandang Islam serta dari sudut pandang pekerja. Selain itu beliau turut berkongsi butiran-butiran penting berkaitan Akta 605 : Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000. Program tersebut turut merakam detik penting bacaan lafaz ikrar Aku Janji secara serentak oleh staf yang diketuai oleh Inspektor Polis Bantuan, Akmal Arif bin Kamardin @ Kamarudin.

Pada waktu yang sama, staf Pejabat Pendaftar turut memperbaharui Aku Janji dengan menandatangani Borang Aku Janji secara bersekali. Secara keseluruhannya program tersebut telah berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.



Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program tersebut. Semoga staf Pejabat Pendaftar sentiasa terinspirasi untuk menjadi seorang staf yang berintegriti demi kemajuan UTeM.

Penyertaan Kumpulan **SMARTSOUL** Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke Pertandingan Inovasi Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 pada 23-24 Oktober 2024

Disediakan oleh: ZULAIKHA BINTI MD RADZAI



Sambutan Hari Inovasi @ Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024 melibatkan penyertaan warga KPT, agensi dan Institusi Pendidikan Tinggi. Sebanyak empat pertandingan yang dianjurkan iaitu:

- i. Pertandingan Inovasi Terbaik
- ii. Pameran Inovasi Terbaik
- iii. EKSA Inovasi Terbaik
- iv. Kuiz Inovasi

Tujuan penganjuran pertandingan inovasi tersebut adalah untuk meraikan pembudayaan inovasi khususnya kepada pereka cipta inovasi dalam kalangan warga KPT, jabatan, agensi dan institusi pendidikan tinggi selain daripada memberi peluang kepada kumpulan untuk menimba ilmu dan pengalaman serta berkongsi pengetahuan dengan kumpulan dari institusi lain sebagai tanda aras terhadap projek yang dilaksanakan.

Penyertaan UTeM di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi ini juga dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam merealisasikan agenda dan aspirasi Universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi ke arah peningkatan perkhidmatan dan amalan budaya kerja kreatif dan inovatif.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kumpulan SmartSoul **diketuai oleh Puan Noorazilah binti Mohamed** dan **Fasilitator adalah Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar.**

Ahli Kumpulan SmartSoul:

1. Dr. Zuraini binti Othman
2. Encik Azly Hisham bin Haron
3. Encik Mohd Nizam bin Mazlan
4. Puan Zulaikha binti Md Radzai
5. Puan Suhada Syaza binti Safiee
6. Puan Azie binti Rasid
7. Encik Muhammad Iqbal bin Amdan
8. Puan Nurul Afiza binti Bahari



TAHNIAH DAN SYABAS diucapkan kepada KUMPULAN SMARTSOUL Projek Inovasi yang bertajuk Pengurusan Pakaian Seragam Berkesan "FDD-UTeM: Sistem Pintar Pengesanan Kerosakan Fabrik" berjaya merangkul **TEMPAT KETIGA INOVASI TERBAIK** serta menerima **PENARAFAN EMAS.**

Lawatan Rasmi dan Penyerahan **BORANG SSPA**

Kepada Pelatih KAPB Siri 8/2024 di Maktab Teknik
PDRM Bakri, Muar pada 29 Oktober 2024

Disediakan oleh: AZRAI BIN ABDUL AZIZ



Pejabat Keselamatan bersama dengan Bahagian Sumber Manusia (BSM), Pejabat Pendaftar telah hadir ke Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar, Johor bagi serahan borang SSPA kepada 8 orang staf Pejabat Keselamatan yang sedang menjalani Kursus Asas Polis Bantuan mulai 5 Oktober hingga 7 Disember 2024.





Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat oleh Encik Ahmad Khairul Fitri bin Zahari, Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan disusuli dengan sesi soal jawab. Semua staf telah menandatangani borang SSPA dan menyerahkan kembali sebelum tamat sesi lawatan rasmi.



Majlis KONVOKESYEN KE-20 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Disediakan oleh: SITI SALWAH BINTI AHMAD & NADIAH BINTI RAHIM


Majlis Konvokesyen ke-20 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berlangsung dengan penuh gemilang dari 9 hingga 11 November 2024, selama tiga hari berturut-turut melibatkan enam sesi penganugerahan bertempat di Dewan Canselor UTeM.

Majlis istiadat ini telah dirasmikan oleh Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam. Hadir sama dalam majlis bersejarah ini adalah Pro-Canselor yang baharu dilantik, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rashid Hussain. Turut serta, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Omar, bersama-sama ahli Lembaga Pengarah, ahli Senat serta Pengurusan Tertinggi Universiti.


Pada majlis penuh berprestij ini, seramai **120 graduan Ijazah Doktor Falsafah**, **159 graduan Ijazah Sarjana**, **2,683 graduan Ijazah Sarjana Muda**, dan **497 graduan Diploma** diraikan setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

STATISTIK GRADUAN BAGI TAHUN 2024

1. Statistik Graduan Mengikut Fakulti:



2. Statistik Graduan Mengikut Peringkat Pengajian:





Majlis Konvokesyen UTeM tahun ini turut menampilkan anugerah khas yang diberikan kepada graduan cemerlang dalam pelbagai aspek. Pada sesi pertama majlis ini, seramai **79 graduan cemerlang** telah menerima pelbagai anugerah berprestij antaranya ialah **Anugerah Pelajaran Di Raja, Hadiah Canselor, Hadiah Naib Canselor, Hadiah Naib Canselor (Keusahawanan), Hadiah Industri, Anugerah Khas Huffaz Profesional, dan Anugerah Khas Industri.** Sebagai pembaharuan, UTeM memperkenalkan **Anugerah TEJA**, yang mengiktiraf graduan ikon mahasiswi, sebagai kesinambungan kepada **Anugerah TUAH** yang dianugerahkan kepada graduan mahasiswa.

UTeM terus mengukuhkan hubungan strategik dengan pelbagai pihak industri bagi memastikan graduannya memenuhi keperluan industri dan pasaran semasa. Anugerah Khas Industri yang diberikan semasa majlis ini adalah bukti penghargaan pihak industri terhadap kecemerlangan graduan UTeM. Semoga anugerah ini menjadi pemangkin semangat kepada para graduan untuk terus berusaha dan memperkukuh ilmu serta kemahiran, sejajar dengan keperluan dan jangkaan industri masa kini.



Pengambilan Jubah Secara Pandu Lalu



Dalam meningkatkan kecekapan pengurusan graduan, proses pengambilan jubah konvokesyen secara pandu lalu telah diperkenalkan sejak Majlis Konvokesyen ke-16 pada tahun 2021. Maklum balas yang diterima menunjukkan graduan berpuas hati dengan keberkesanan dan kemudahan proses ini. Proses pandu lalu ini, digabungkan dengan sistem permohonan jubah secara dalam talian bagi memastikan kelancaran pengurusan

dan pengambilan jubah. Graduan boleh membuat permohonan lebih awal dan pengambilan dilakukan dengan pantas berdasarkan jadual yang ditetapkan. Proses ini memberikan pengalaman yang lebih teratur, terutama bagi graduan yang perlu membuat persiapan lain menjelang hari konvokesyen.

Sistem permohonan jubah secara dalam talian menunjukkan komitmen universiti terhadap transformasi digital. Ia membolehkan graduan mengurus permohonan mereka secara mudah dan menjimatkan masa, sejajar dengan kehendak era teknologi.



Penyertaan Kumpulan SMARTSOUL

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Ke Pertandingan Inovasi Sempena Karnival@Universiti Malaysia
Terengganu (UMT) 2024 Secara Dalam Talian Menerusi Aplikasi
CISCO Webex Bermula 17 November 2024 Hingga 21 November 2024

Disediakan oleh: ZULAIKHA BINTI MD RADZAI

Sambutan Karnival Inovasi@UMT 2024 melibatkan penyertaan warga Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Pendidikan Guru dan Sekolah. Aktiviti utama yang dianjurkan adalah seperti berikut:

- Pertandingan Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (AIPP)
- Pertandingan Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN)
- Pertandingan Amalan Inovasi Penyelidikan (AIPY)
- Pertandingan Amalan Inovasi Pelajar (AIPJ)

Tujuan penganjuran pertandingan inovasi tersebut adalah untuk meraikan pembudayaan inovasi di kalangan warga Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Pendidikan Guru dan Sekolah selain dari menggalakkan dan mempergiatkan usaha kumpulan dengan mendapatkan pengiktirafan terhadap usaha-usaha cemerlang melalui projek inovasi kumpulan.



TAHNAH DAN SYABAS diucapkan kepada KUMPULAN SMARTSOUL
Projek Inovasi yang bertajuk Pengurusan Pakaian Seragam Berkesan "FDD-UTeM: Sistem Pintar
Pengesanan Kerosakan Fabrik" berjaya merangkul **PROJEK INOVASI TERBAIK AIPN** serta
menerima **PENARAFAN EMAS**

Penganjuran Program **SECANGKIR KOPI**

Sepanjang Tahun 2024 Bersama Ketua Pegawai Operasi UTeM

Disediakan oleh: ZULAIKHA BINTI MD RADZAI

Objektif Program Secangkir Kopi Bersama Ketua Pegawai Operasi dilihat sebagai platform bagi YBrS. Ketua Pegawai Operasi menyampaikan segala informasi berkaitan hala tuju, perkembangan terkini dan hasrat beliau disamping mewujudkan hubungan

silaturahim serta merapatkan ukhuwah dan penyampaian maklumat antara YBrS. Ketua Pegawai Operasi dan staf, dan juga perkongsian ilmu dan pengurusan kerja yang berhemah untuk keberkatan dalam rezeki yang diperolehi.

Program Secangkir Kopi Ketua Pegawai Operasi bersama **Kumpulan Pelaksana Gred 26**

Tarikh : 30 Mei 2024 (Khamis)
Tempat : Bilik Jamuan,
Auditorium Canselori
Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi



Program Secangkir Kopi Ketua Pegawai Operasi bersama **Jawatankuasa KEKUTeM**

Tarikh : 19 Julai 2024 (Jumaat)
Tempat : Dewan Jamuan VVIP 1,
Dewan Canselor UTeM
Masa : 3.00 – 5.00 petang



Lawatan

PENANDA ARAS

Dari Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia

Disediakan oleh: AZLY HISHAM BIN HARON



Tarikh : 19 November 2024 (Selasa)
Masa : 9:00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar

UTeM diwakili

Puan Siti Norani binti Dolah
Ketua Bahagian Governan & Pengurusan
Organisasi,
Pejabat Pendaftar

1 orang wakil Pejabat Keselamatan
2 orang wakil Unit Kemudahan Staf & OKU



Peserta UKM

Diketuai Cik Najatulmuna binti Hamdan
Ketua Bahagian Pentadbiran &
Kemudahan, Jabatan Pendaftar, UKM.
Serta seramai 10 orang tetamu

Skop lawatan mendapat gambaran
serta perkongsian berkaitan:

1. Prosedur kerja bagi Kemudahan Pakaian Seragam staf berdasarkan garis panduan yang digunakan
2. Kemudahan Pakaian Seragam kepada Polis Bantuan
3. Sistem permohonan Penggantian Pakaian Seragam dan Sistem *Fabric Defect Detection (FDD)*

KENAIKAN PANGKAT

Staf Tahun 2024

Disediakan oleh: SITI NUR BAIZURA BINTI AHMAD BUANG

TAHNIAH! Diucapkan di atas kenaikan pangkat staf bagi tahun 2024 yang melibatkan Staf Akademik dan Staf Pentadbiran. Penyerahan surat kenaikan pangkat telah diadakan dalam beberapa sesi oleh YBhg. Profesor Datuk Naib Canselor dan Ketua Pegawai Operasi kepada staf yang terlibat.

**30
orang**

Staf Akademik

**7
orang**

**Staf Pentadbiran
Kumpulan Pengurusan &
Profesional**

**18
orang**

**Staf Pentadbiran
Kumpulan Pelaksana**

Staf Akademik

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Dr. Nurul Ashikin Binti Mohd Rais	Pensyarah Kanan	DS52
2	Dr. Emy Zairah Binti Ahmad	Pensyarah Kanan	DS52
3	Ts. Dr. Mohd Hanif Bin Che Hasan	Pensyarah Kanan	DS52
4	Ts. Syahrul Hisham Bin Mohamad @ Abd Rahman	Pensyarah Kanan	DS52
5	Dr. Mohd Saifuzam Bin Jamri	Pensyarah Kanan	DS52
6	Ts. Dr. Sulaiman Bin Sabikan	Pensyarah Kanan	DS52
7	Dr. Tarmizi Bin Ahmad Izzuddin	Pensyarah Kanan	DS52
8	Dr. Nor Hafizah binti Hussin	Pensyarah Kanan	DS52
9	Dr. Rahaini binti Mohd Said	Pensyarah Kanan	DS52
10	Dr. Haslinah binti Mohd Nasir	Pensyarah Kanan	DS52



Staf Akademik

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
11	Ts. Dr. A Shamsul Rahimi bin A Subki	Pensyarah Kanan	DS52
12	Ts. Dr. Hasrul 'Nisham bin Rosly	Pensyarah Kanan	DS52
13	Ts. Dr. Norfadzlia binti Mohd Yusof	Pensyarah Kanan	DS52
14	Ts. Dr. Mohd Noor Asril Bin Saadun	Pensyarah Kanan	DS52
15	Dr. Noor Saffreena Bt Hamdan	Pensyarah Kanan	DS52
16	Dr. Mohd Fariduddin Bin Mukhtar	Pensyarah Kanan	DS52
17	Ir. Dr. Mazlan Bin Ahmad Mansor	Pensyarah Kanan	DS52
18	Dr. Sayed Kushairi Bin Sayed Nordin	Pensyarah Kanan	DS52
19	Ts. Dr. Mohd. Farid Bin Ismail	Pensyarah Kanan	DS52
20	Dr. Aiman Bin Roslizar	Pensyarah Kanan	DS52
21	Dr. Nurul Amira Binti Zainal	Pensyarah Kanan	DS52
22	Dr. Adibah Haneem Binti Mohamad Dom	Pensyarah Kanan	DS52
23	Dr. Nurazua Binti Mohd. Yusop	Pensyarah Kanan	DS52
24	Ts. Dr. Mohd Qadafie Bin Ibrahim	Pensyarah Kanan	DS52
25	Dr. Emaliana Binti Kasmuri	Pensyarah Kanan	DS52
26	Dr. Syahida Binti Mohtar	Pensyarah Kanan	DS52
27	Dr. Mohd Hariz Bin Naim @ Mohayat	Pensyarah Kanan	DS52
28	Dr. Amizatulhawa Binti Mat Sani	Pensyarah Kanan	DS52
29	Ts. Dr. Ganagambegai A/P Laxamanan	Pensyarah Kanan	DS52

Staf Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Junaidah Binti Kasim	Pegawai Tadbir	N48
2	Norihan Binti Abu Nawar	Pegawai Tadbir	N48
3	Sahhizam Bin Maamin	Pegawai Tadbir	N48
4	Khairul Razik Bin Mohamad Isa	Pegawai Tadbir	N48
5	Khairi Amri Bin Mohamad	Pegawai Kewangan	W48
6	Laila Zahidah Binti A. Rahman	Pegawai Tadbir	N44
7	Nor Ilyah Binti Othman	Pustakawan	S44

Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana)

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Sharifah Intan Binti Osman	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N28
2	Mohd Hannif Bin Jamaludin	Pembantu Pustakawan	S22
3	Rahim Bin Sulaiman	Pembantu Operasi	N14





**Pentadbiran
(Kumpulan Pelaksana) Secara
Time- Based Berasaskan Kecemerlangan
(TBK1) Siri 2**

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Norzalina binti Anuar	Pelukis Pelan (Seni Bina)/ Penolong Pegawai Seni Bina	JA36
2	Mohd Ridzuan bin Rozali	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera	JA36
3	Nor An binti Ibrahim	Penolong Akauntan	W32
4	Rumaiyah binti Saad	Penolong Akauntan	W32
5	Khairul Fakhrluradhi bin Borhan	Pereka	B32
6	Suhaila binti Saad	Jururawat	U32
7	Norfaradilla Idayu binti Ab. Ghafar	Pembantu Pustakawan	S22
8	Eiisaa bin Ahyead	Pembantu Pustakawan	S22
9	Naslinda binti Nasari	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N22
10	Adzilawati binti Mohd Said	Penyelia Asrama	N22
11	Mohd Shahmazan bin Othman	Penyelia Asrama	N22
12	Ahmad Saufie bin Jaffar	Pereka	B22
13	Norazhani binti Ismail	Pengawal Keselamatan	KP14
14	Siti Norhasimah binti Mohamad Laily	Pengawal Keselamatan	KP14
15	Mohammad Fatul Ariffin bin Ahmad	Pengawal Keselamatan	KP14



Laporan Aktiviti

UNIT KEBAJIKAN STAF

Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar

Disediakan oleh: HAIRULIZAN BINTI YACOB

SIRI JELAJAH PROGRAM SARINGAN KESIHATAN BAGI TAHUN 2024 (SIRI 1/2024 – SIRI 20/2024)



Program Saringan Kesihatan dilaksanakan sepanjang tahun 2024 di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman berkaitan kepentingan kesihatan kepada staf supaya ianya dapat mengurangkan penyakit kritikal di kalangan mereka.



PROGRAM SUNTIKAN VAKSINASI HUMAN PAPILOMA VIRUS (HPV) 21 & 22 OGOS 2024

- Program suntikan vaksinasi HPV telah berlangsung dengan jayanya dan seramai 400 orang telah hadir untuk mendapatkan vaksin HPV secara percuma ini.
- Program ini telah mencapai 100% target iaitu sebanyak 400 unit dos vaksin yang telah dibekalkan oleh Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) selesai dalam masa tempoh 2 hari ini.



Tahniah dan syabas kepada semua warga UTeM yang menghadirkan diri, membawa anak, isteri, suami dan ahli keluarga bagi mendapatkan suntikan ini.

LENSA ZIARAH KEBAJIKAN STAF TAHUN 2024



10 Januari 2024 | Ziarah Kebajikan ke kediaman Encik Azizol bin Pet, Pembantu Tadbir Kanan, Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) yang menghadapi musibah kebakaran rumah.



7 Mac 2024 | Menziarahi dan menyantuni En. Hafizul bin Hashim, Pembantu Awam dari Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) yang menghadapi pelbagai komplikasi penyakit. Beliau telah meninggal dunia pada 27 Jun 2024.



9 Mei 2024 | Menziarahi En. Muhammad Shahrin Pritam bin Abdullah, Pembantu Operasi, Pejabat Pendaftar yang telah mengalami patah kaki akibat kemalangan jalan raya.

LENSA ZIARAH KEBAJIKAN STAF TAHUN 2024



2 Ogos 2024 dan 2 September 2024 | Ziarah Kebajikan Encik 'Azham Fida'iy bin Azkar, Penolong Jurutera dari Pejabat Pengurusan Pembangunan pada 2 Ogos 2024 dan Puan Siti Fairus binti Abu Bakar, Pembantu Tadbir Kanan, Pejabat Pendaftar pada 2 September 2024 yang telah diuji dengan masalah kesihatan.




4 September 2024 | Ziarah Kasih adik Faridsyah Hafizul bin Abdullah, anakanda kepada Allahyarham En. Hafizul bin Hashim di Anjung Putera, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, bertempat di Alor Gajah Melaka.

LENSA ZIARAH KEBAJIKAN STAF TAHUN 2024



2 September 2024 | Ziarah Kebajikan Encik Mohd Khairul Jani bin Jamilee, Pembantu Awam dari Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) pada 18 September 2024 dan Puan Azlinda binti Mohd Yunus, Penolong Pegawai Senibina Kanan, Pejabat Pengurusan Pembangunan yang telah diuji dengan masalah kesihatan dan komplikasi pelbagai penyakit.



“ Tuhan segala manusia, hilangkanlah penyakit. Sembuhkanlah, Engkaulah penyembuh. Tidak ada penawar selain dari penawar Mu, penawar yang menghabiskan sakit dan penyakit. ”

BELASUNGKAWA

AL-FATIHAH

**ALLAHYARHAM TS. DR. YAHAYA
BIN ABD RAHIM**
25.6.1970 – 28.3.2024

**ALLAHYARHAM HAFIZUL
BIN HASHIM**
16.04.1981 – 27.6.2024

**ALLAHYARHAM MOHD
ERWAN BIN MD YUSOP**
15.11.1979 – 20.10.2024

اللهم اغفر له وارحمه
واغفر له وارحمه

Ya Allah! Ampunilah
dan rahmatilah dia,
lepaskanlah dia daripada
apa-apa yang tidak disukainya dan
maafkanlah dia, muliakanlah
keadaannya dan luaskan kuburnya.
Mandikanlah dia dengan air, salji dan
air yang dingin. Bersihkanlah dia
daripada segala kesalahan
sebagaimana dibersihkan baju
yang putih daripada segala
kekotoran. Gantikanlah rumahnya
yang lebih baik daripada
rumahnya, keluarga yang lebih
baik daripada keluarganya dan
pasangan yang lebih baik
daripada pasangannya.
Masukkanlah dia ke dalam
syurga dan peliharalah
dia daripada fitnah kubur
dan azab neraka. – Riwayat
Muslim (963)

